

Tajuk : 'Terokai Bidang Biodiversiti

Unimas disaran ceburi bidang baru jana kekayaan

'Terokai bidang biodiversiti'



Oleh **FARHANA JONI**
pengarang@utusan.com.my

KOTA SAMARAHAN 20 Nov. - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) disaran berani meneroka bidang biodiversiti yang berpotensi mencipta kekayaan baharu negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (**gambar**) berkata, sekiranya bidang tersebut berjaya diterokai, kedudukan dan reputasi Unimas juga akan menjadi se-

makin baik di dalam dan luar negara.

Katanya, langkah awal bagi menerokai bidang tersebut adalah dengan menjalin kerjasama dengan kerajaan negeri yang sedang berusaha membangunkan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

"Sepatutnya setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak hanya berbangga dengan pencapaian dalam negara kerana ia seolah-olah tidak menggambarkan sebarang peningkatan dalam prestasi mereka.

"Ekonomi dunia akan terus meningkat dan seharusnya golongan akademik menggunakan setiap peluang yang ada di dalam negara ini supaya ia tidak disia-siakan," katanya.

Beliau berucap demikian pada majlis pelancaran *Buku Pelan Strategi Unimas 2015* di sini semalam.

Buku tersebut merupakan manual kepada struktur pentadbiran Unimas dalam memastikan kepentingan setiap pihak termasuk kakitangan dan para pelajar sentiasa berhubung.

Selain itu, objektif buku berkenaan tersebut adalah berkongsi dengan pihak luar khususnya masyarakat umum mengenai strategi Unimas memacu sektor pendidikan negeri ini menjelang 2015.

Sementara itu, Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid berkata, kandungan buku tersebut meliputi dua strategi iaitu hubungan antara pelanggan dengan pihak universiti dan kursus-kursus akademik yang ditawarkan.